PEJABAT PERDANA MENTERI
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

PROGRAM LITERASI KENEGARAAN MAHASISWA PERKUKUH PATRIOTISME DAN KESIAPSIAGAAN GENERASI MUDA

KUALA LUMPUR, 24 OKTOBER 2026 – Program Literasi Kenegaraan Mahasiswa 2026 menjadi platform penting dalam memperkukuh semangat patriotisme, kefahaman terhadap dasar negara serta peranan mahasiswa sebagai generasi pelapis kepimpinan Malaysia.

Ketua Pengarah Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM), Pejabat Perdana Menteri, YBhg. Dato' Dr. Roslan bin Hussin, berkata mahasiswa perlu memahami perkembangan geopolitik antarabangsa dan pendirian dasar luar Malaysia agar mampu menjadi duta negara yang berprinsip serta menyampaikan maklumat tepat mengenai tanah air.

Beliau turut menekankan pencapaian Malaysia dalam IMD *World Competitiveness Ranking* 2026, apabila negara menduduki tempat ke-15 daripada 70 ekonomi dari segi daya saing keseluruhan, meningkat lapan anak tangga berbanding kedudukan ke-23 pada 2025. Malaysia turut berada di tangga keempat dunia bagi kategori prestasi ekonomi.

Dalam aspek pembangunan bakat, mahasiswa digalakkan memanfaatkan peluang dalam sektor bernilai tinggi seperti teknologi canggih, peralihan tenaga dan ekonomi digital. Mahasiswa di luar negara juga diseru membawa pulang kepakaran, kemahiran serta jaringan antarabangsa untuk menyumbang kepada pembangunan negara.

Beliau turut mengingatkan mahasiswa supaya menjadi benteng pertahanan maklumat negara dengan mengamalkan penentusahan fakta, menolak penyebaran fitnah serta menggunakan media sosial secara bertanggungjawab demi memelihara perpaduan dan kedaulatan negara.

Program ini menghimpunkan mahasiswa di dalam dan luar negara melalui pendekatan hibrid, dengan pengisian berkaitan hal ehwal antarabangsa, pembangunan bakat serta kesiapsiagaan menghadapi cabaran ekonomi dan digital. Penganjurannya turut menekankan pembentukan graduan yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, malah mempunyai sahsiah, integriti dan nilai ihsan.

Majlis Perasmian Penutup Program Literasi Kenegaraan Mahasiswa 2026 berlangsung pada 24 Oktober 2026 di Pusat Kecemerlangan Kenegaraan dan Patriotisme (PKKP), Jalan Bellamy, Kuala Lumpur. Turut sama hadir YBhg. Dato' Shahrol Anuwar bin Sarman, Ketua Setiausaha Sulit kepada YAB Perdana Menteri.

Program ini dianjurkan oleh Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik AKM dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Pejabat Perdana Menteri, Bahagian Pengantarabangsaan Kementerian Pendidikan Tinggi, TalentCorp serta agensi penaja yang terlibat.

AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA
PEJABAT PERDANA MENTERI
24 Oktober 2026

-TAMAT -